

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
JALAN YONG SHOOK LIN,  
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

---

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld.3 (41)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS  
(PENGGAL 2016-2017)  
BILANGAN 8 TAHUN 2016**

<b>Tarikh</b>	: 30 Ogos 2016 (Selasa)
<b>Masa</b>	: 10.30 Pagi – 12.08 Tengahari
<b>Tempat</b>	: Dewan Bunga Tanjung, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.
<b>Hadir</b>	: Seperti dilampiran kehadiran

---

**1. DOA**

Doa telah dibacakan oleh Encik Abdul Hakim bin Khairuddin, Penolong Pengarah (Penerbitan), Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

**2. TAYANGAN VIDEO**

- 2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Komunikasi Korporat mengambil masa selama 14 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis sepanjang bulan Julai dan Ogos 2016.

**3. PERUTUSAN DATUK BANDAR**

- 3.1 Beliau bersyukur ke hadrat Allah SWT di atas limpah kurnia-Nya diberikan kesihatan untuk menghadiri Mesyuarat Majlis pada hari ini. Tanpa kita sedari, sebenarnya kita dikurniakan pelbagai nikmat. Oleh itu, sewajar dan seharusnya kita bersyukur di atas segala nikmat yang kita kecapi selama ini.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada dua orang Ahli Majlis yang baru dilantik dan baru menerima perakuan sebagai Ahli Majlis sebentar tadi. Beliau berharap dengan adanya tenaga muda seperti Cik



Jamaliah dan dua orang Ahli Majlis yang baru akan membahaskan idea-idea bernes demikian pembangunan Petaling Jaya.

Pengalaman merupakan guru terbaik buat kita. Pengalaman juga mengajar kita tentang baik buruknya sesuatu perkara. Benarlah kata pujangga, pengetahuan, pengalaman dan wawasan jauh, lebih baik daripada longgokan harta, kerana gembira dengan harta benda semata-mata adalah bukan sifat semulajadi manusia sedangkan gembira dengan ilmu pengetahuan adalah sifat manusia.

Tidak lupa ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Majlis, Pengarah-pengarah dan kakitangan Majlis di atas komitmen dan kerjasama yang diberikan. Beliau berharap agar kita semua terus mengekalkan dan meningkatkan kerja berpasukan ini dengan penuh rasa tanggungjawab dan berintegriti.

### 3.2 SMART SELANGOR

Selaras dengan konsep pelaksanaan *Smart Selangor*, adalah menjadi harapan Majlis supaya Bandaraya Petaling Jaya dapat meningkatkan kecekapan dari segi proses pembangunan melalui pembaharuan peraturan dan prosedur di samping meningkatkan infrastruktur yang efisien supaya Petaling Jaya kekal berdaya saing di peringkat negeri, negara maupun antarabangsa.

Pembaharuan ini adalah sejajar dengan permintaan perkhidmatan masyarakat Petaling Jaya yang mengharapkan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Majlis untuk masyarakat Petaling Jaya adalah perkhidmatan yang cekap, efisyen, sistematik dan penuh berintegriti.

Sementelahan usia Majlis yang telah menjangkau 10 tahun bertaraf bandar raya, proses-proses teknikal yang melibatkan pembangunan, infrastruktur yang berdaya saing dan peraturan-peraturan prosedur yang memudahkan ketika menjalani urusan harus dijadikan tunjang utama di masa hadapan.

### 3.3 KEBERDAYAAN SAING PERINGKAT GLOBAL

Merujuk kepada Laporan *IMD World Competitiveness Yearbook 2016*, Malaysia telah tersenarai di antara 61 buah negara yang paling berdaya saing di dunia. Malaysia berada di kedudukan ke-19, jatuh 5 tangga berbanding ke-14 pada tahun 2015 kesan daripada ekonomi yang tidak menentu. Walaubagaimanapun secara keseluruhannya Malaysia masih mengekalkan 20 kedudukan teratas di kalangan 61 ekonomi global. Di rantau Asia Pasifik, Malaysia berada di kedudukan



ke-6 daripada 14 negara. *Ranking* ini ditentukan berdasarkan analisis daripada empat faktor utama iaitu prestasi ekonomi, kecekapan kerajaan, kecekapan perniagaan dan infrastruktur.

### 3.4 AGENDA MERAKYATKAN PENYELENGGARAAN

Budaya menyelenggara yang baik dan sistematik adalah amat penting bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat di samping mampu menyumbang kepada penggunaan kos yang efisien. Tahap penyelenggaraan yang rendah akan menyebabkan berlakunya kerosakan, kebocoran, keruntuhan dan keretakan infrastruktur dan fasiliti yang boleh mengancam nyawa. Ia sekaligus boleh menjelaskan kepercayaan rakyat khususnya pembayar cukai Majlis.

Perkhidmatan asas seperti perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam khususnya pembersihan longkang dan pemotongan rumput diberi keutamaan sebagaimana yang diharapkan oleh masyarakat Petaling Jaya. Sehubungan itu, pelaksanaan kerja oleh kontraktor yang telah dilantik akan dipantau dengan teliti dan serius.

Justeru, dalam penyediaan Bajet 2017, Majlis akan memberi tumpuan kepada iltizam untuk meningkatkan budaya menyelenggara dengan memberi fokus kepada perkhidmatan penyelenggaraan jalan raya, sistem saliran dan meningkatkan program penghijauan bandar melalui program penyelenggaraan landskap.

Majlis juga akan memberikan penumpuan terhadap penyediaan dan penyelenggaraan infrastruktur dan kemudahan awam yang berkualiti, penjagaan alam sekitar, pembersihan kawasan, penyelenggaraan landskap dan pengindahan bandar serta pelaksanaan koridor hijau.

Kemampuan MBPJ bukan hanya dilihat kepada kemampuan menyediakan prasarana malah kemampuan untuk menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan secara berkala dan efisien. Ia bertujuan untuk memastikan penduduk menikmati kemudahan yang selesa dan selamat daripada kecederaan atau kemalangan semasa menggunakan infrastruktur yang disediakan.

Majlis akan sentiasa berusaha memastikan kontraktor yang dilantik, melaksanakan tugas-tugas penyelenggaraan dengan beretika, berkualiti dan sempurna. Diharapkan dengan meningkatnya budaya menyelenggara, Majlis akan berjaya mencapai matlamat menyediakan kemudahan awam yang baik, persekitaran yang kondusif dan selesa serta bersih.



### 3.5 CEGAH AEDES HAPUS DENGGI

Sehingga 22 Ogos, Malaysia mencatatkan kes denggi sebanyak 69,400 dengan 153 kematian, Selangor 36,903 kes dengan 52 kematian, dan MBPJ 3,870 kes dengan 3 kematian. MBPJ, kes denggi sehingga minggu epid 32 (7 Ogos-13 Ogos 1916) menunjukkan penurunan kes sebanyak 35% berbanding dengan tempoh yang sama tahun 2015.

#### JADUAL BANDINGAN KES DENGGI MALAYSIA, SELANGOR DAN MBPJ DARI 2013 – 2016

TAHUN	MALAYSIA		SELANGOR		MBPJ	
	KES	KEMATIAN	KES	KEMATIAN	KES	KEMATIAN
<b>2013</b>	43,346	92	23,852	24	2,739	4
<b>2014</b>	10,869	215	54,289	77	8,469	7
<b>2015</b>	12,083	336	63,198	127	7,751	15
<b>2016</b>	6,9400	153	36,903	52	3,870	3

Jabatan Kesihatan Persekutuan telah menggerakkan seluruh anggota kakitangan dari unit-unit lain untuk membantu dalam kawalan kes denggi di 20 kawasan wabak hotspot. Operasi besar-besaran ini yang telah diadakan selama satu bulan mencatatkan 18 kawasan hotspot telah menjalankan Operasi Cari dan Musnah.

Sebanyak 3,147 buah rumah telah diperiksa, 241 tempat didapati ada pembiakan dan dihapuskan, 79 kompaun dan 13 notis dikeluarkan dan 5 tapak binaan telah diperiksa dan 4 ditutup.

Sepanjang tempoh ini, sebanyak 8 program SEDAR telah berjaya ditubuhkan dalam kawasan wabak melibatkan komuniti dan para pekerja pembersihan kawasan untuk membantu Majlis dalam mengawal wabak denggi.

Majlis juga menggesa orang ramai dapat membuat pemeriksaan sendiri di dalam dan kawasan persekitaran rumah. Ini kerana hasil pemeriksaan mendapati bahawa pembiakan nyamuk aedes ini kebanyakannya adalah di dalam rumah dan bukannya di luar kawasan rumah seperti longkang. Orang awam dinasihatkan untuk meluangkan masa selama 10 minit seminggu bersama keluarga untuk membersihkan rumah masing-masing. Tegasnya, Majlis dan penduduk mesti mempunyai matlamat dan pelaksanaan yang sama untuk menurunkan kes denggi (*win-win situation*).



### **3.6 DUSUN BANDAR PJ**

Dusun Bandar merupakan satu inisiatif MBPJ untuk memperkenalkan pokok buah-buahan tempatan dan memberi peluang penduduk Petaling Jaya khususnya menikmati suasana dusun tanpa perlu pergi jauh. Dusun Bandar merujuk kepada kawasan lapang dan kawasan rezab terbiar yang dimanfaatkan untuk tanaman pokok buah-buahan yang bukan hanya boleh dinikmati hasilnya tetapi memberi pengetahuan kepada penduduk PJ terutamanya generasi muda. Spesis pokok yang dipilih adalah dari jenis buah-buahan tempatan biasa dan dari jenis nadir untuk mengelakkan ia terus pupus.

Setakat ini, 2 lokasi telah dibangunkan sebagai Dusun Bandar iaitu Railway Park di Jalan Railway 1/2, Seksyen 1 dan Taman Aman. Dari satu kawasan semak dan terbiar, ia diharap akan menjadi tarikan tersendiri kepada pengunjung kelak untuk beriadah bersama keluarga. Sebanyak 386 pokok dari pelbagai spesis buah-buahan telah ditanam di Railway Park dan sudah pun membawa hasil. Dusun ini dijangka akan dirasmikan pada 22 Oktober 2016.

### **3.7 SMART TRAK**

Majlis telah menerima Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor berhubung pelaksanaan Garis Panduan Trak Bergerak (makanan, barang dan perkhidmatan) di Negeri Selangor pada 25 Ogos 2016. Untuk makluman tuan/puan permohonan bagi lesen trak bergerak boleh dibuat bermula pada **1 September 2016**.

Buat masa kini permohonan hanya boleh dibuat secara manual iaitu dengan mengisi borang permohonan yang boleh didapati di kaunter Pelesenan tingkat 6, Menara MBPJ. Untuk makluman, Majlis sedang membangunkan permohonan secara online bagi memudah dan mempercepat proses permohonan trak bergerak atau dijenamakan sebagai Smart Trak.

Trak bergerak atau Smart Trak ini merangkumi 3 aspek iaitu makanan, barang dan perkhidmatan. Majlis telah menyediakan 31 lokasi di seluruh Petaling Jaya yang melibatkan 90 tapak bagi penempatan smart trak ini. Di antara lokasi tersebut adalah di Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya, Seksyen 14, Petaling Jaya, Jalan SS25, Petaling Jaya, Jalan PJU 5, Kota Damansara, Petaling Jaya, Seksyen 3, Jalan Teknologi, Kota Damansara dan lain-lain.



Bagi lokasi tapak smart trak yang dikendalikan oleh Majlis, pemohon boleh mendapatkan senarai lokasi di laman web MBPJ atau terus ke Kaunter Pelesenan tingkat 6, Menara MBPJ.

Bagi permohonan smart trak di tapak persendirian atau mengadakan aktiviti karnival, pemohon boleh membuat permohonan dengan mengemukakan surat rasmi mengadakan aktiviti dengan melampirkan pelan dan gambar lokasi.

### **3.8 SEMINAR KAEDEH PEROLEHAN KERAJAAN**

Seminar ini diadakan bertujuan untuk memberi fokus kepada penggunaan Tatacara Perolehan Kerajaan selaras dengan Dasar 1PP (Pekeliling Perbendaharaan) serta memberi pemahaman kepada peserta mengenai tatacara pengurusan perolehan yang perlu dipatuhi. Peserta juga akan diberi pendedahan mengenai konsep pengamalan integriti dalam perolehan. Seramai 50 orang pegawai dan penolong pegawai pelbagai jabatan akan menghadiri seminar ini. Penceramah jemputan ialah daripada Kewangan Negeri Selangor. Seminar ini akan diadakan pada 5 hingga 6 September 2016 di Hotel Pullman, Bangsar.

### **3.9 OPERASI PENGUATKUASAAN**

#### **3.9.1 OPERASI BERSEPADU BERSAMA PEJABAT TANAH DAN DAERAH PETALING (PTD PETALING)**

Pada 10 Ogos 2016, MBPJ bersama-sama PTD Petaling, PDRM, TNB, SYABAS dan JPS telah mengadakan operasi bersepadu di PJS 5/1 bagi meroboh binaan haram. Sebanyak 6 buah premis yang menjalankan pelbagai aktiviti perniagaan telah dirobohkan.

#### **3.9.2 OPERASI PATI BERSAMA JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA (JIM)**

MBPJ telah mengadakan operasi bersepadu bersama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) pada 11 Ogos yang lalu di tiga (3) buah pasar malam sekitar Petaling Jaya dan telah berjaya membuat tangkapan seramai 19 orang PATI dari pelbagai buah negara.



### **3.9.3 OPERASI BERSEPADU BERSAMA AGENSI ANTI DADAH KEBANGSAAN (AADK)**

Pada 25 Ogos 2016, MBPJ telah mengadakan satu operasi bersepadu bersama AADK di 4 buah premis hiburan sekitar Petaling Jaya dan berjaya menahan 4 orang yang telah disyaki positif dadah serta 1 kompaun dikeluarkan bagi kesalahan beroperasi melebihi waktu yang ditetapkan.

Di kesempatan ini juga, beliau ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan yang ke-59. Semoga, kemerdekaan kita pada tahun ini benar-benar memerdekakan kita dari sebarang bentuk penjajahan versi era baru.

Beliau juga ingin mengucapkan Selamat Hari Malaysia dan Selamat Menyambut Hari Raya Aidil Adha. Semoga pengorbanan ikhlas yang dilakukan selama ini mendapat ganjaran dari Allah Yang Maha Esa.

#### **4. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA:-**

##### **4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 7 TAHUN 2016 (PENGGAL 2016/2017)**

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 7 Tahun 2016 bertarikh 27 Julai 2016 telah diluluskan dengan pindaan bagi perkara 5 para 7.1.2 iaitu:-

##### **PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK SHATIRI BIN MANSOR**

Peruntukan untuk penurapan jalan-jalan terutama yang melibatkan kawasan yang dipohon oleh RA dan RT seperti di Zon 3 di Taman Sri Selasih, Kawasan Perumahan 1 ½ tingkat Seksyen 7, Polo Residence, D'villa Equestrian dan Kawasan Perumahan D'rimba.



**5. LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 7 TAHUN 2016 YANG TELAH DIADAKAN PADA 27 JULAI 2016.**

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
6.6.2	<p><b>CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 18 JULAI 2016.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Perkara 3.0 para 6.6 Perkara 6.11 berkaitan Tanah Runtuh di Tebing Sungai Kayu Ara di mana perkara ini akan dibincangkan di dalam Mesyuarat Infrastruktur dan Penasihat Lalulintas.</li> </ul>	<p>Bagi kejadian tebing Sungai Kayu Ara runtuh yang melibatkan 4 lokasi iaitu :</p> <p>a) Bagi Lokasi di Jalan PJU 1A/26D, Jalan PJU 1A/20 dan PJU 1A/26H</p> <p>Jabatan Kejuruteraan telah menyediakan dokumen tender secara tender terhad dan dalam proses pengiklanan dalam tempoh 14 hari dari tarikh 22 Ogos 2016.</p> <p>b) Bagi lokasi Jalan SS25/29</p> <p>Jabatan Kejuruteraan telah menyediakan dokumen sebutharga secara tender terbuka dan dijangka akan diiklankan pada 29 Ogos 2016.</p> <p>Encik Tang Fuie Koh memaklumkan bahawa perkara ini telah empat (4) kali dibangkitkan akan tetapi masih belum selesai.</p>



Encik Derek meminta penjelasan sama ada Pengarah Kejuruteraan telah menulis surat rasmi kepada Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) yang menyatakan JPS tiada peruntukan sebanyak RM700K untuk mengatasi masalah tersebut.

Sekiranya tiada bajet yang mencukupi, adakah JPS telah membawa perkara tersebut ke MTES bagi perbincangan. Sekiranya telah di bawa ke MTES dan perkara tersebut masih belum selesai barulah MBPJ boleh membuat tindakan susulan untuk menggunakan peruntukan Majlis bagi menyelesaikan masalah tersebut.

Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud turut mencadangkan agar Majlis menyelesaikan perkara-perkara yang penting sahaja dan bukannya menyelesaikan keseluruhan masalah tersebut. Perkara ini akan mengakibatkan agensi terlibat lepas tangan dan MBPJ terpaksa mengeluarkan peruntukan bagi perkara yang bukan di bawah kawalan Majlis.



**6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS**

**6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 26 JULAI 2016.**  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (194)]

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.**

**6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 2 OGOS 2016, 15 OGOS 2016 DAN 23 OGOS 2016.**  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (61)]  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (63)]  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (65)]

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Ketua Unit OSC, MBPJ.**

**6.3 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 16 OGOS 2016.**  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 2 (80)]

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi perkara 3.0 para 7.2 di muka surat 10 iaitu:-

Mesyuarat bersetuju dan memutuskan Jabatan Penguatkuasaan mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap aduan tersebut. Memandangkan notis telah dikeluarkan, selepas tindakan penguatkuasaan dibuat ke atas kawasan tersebut, mesyuarat memutuskan agar seorang atau dua orang anggota penguatkuasa diletakkan di kawasan tersebut bagi mengelakkan perkara tersebut berulang semula.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran, MBPJ,  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, MBPJ.**



6.3.2 Mesyuarat turut mengambil maklum bahawa tindakan yang perlu dibuat ke atas perkara iv) di muka surat 8 bukan setakat membatalkan lesen perniagaan akan tetapi tindakan yang lebih tegas dan pemantauan perlu dibuat.

**6.4 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 17 OGOS 2016.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 (98)]**

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Jabatan Landskap, MBPJ.**

6.4.2 Mesyuarat turut mengambil maklum bagi perkara 7.1 di muka surat 8 iaitu Senarai aktiviti Kilang di Kg. Sg. Kayu Ara di mana:-

- a) Encik Tang Fuie Koh memaklumkan bahawa terdapat banyak lot terbiar dan perkara ini telah dimaklumkan kepada Pejabat Tanah untuk tindakan Beliau berharap agar Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran, MBPJ dapat membuat tindakan susulan ke atas perkara ini.

**6.5 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 17 OGOS 2016.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 2 (58)]**

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

6.5.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan perkara 3 para 4.4 di muka surat 3 iaitu membentangkan cadangan mengadakan laluan kontra bermasa dari jejambat Jalan Gasing pada waktu puncak petang di mana:-

- a) Encik Derek John Fernandez memaklumkan bahawa perkara ini akan mendapat sambutan kurang menyenangkan daripada pengguna terutama pengguna yang menggunakan NPE ke Petaling Jaya. Sehubungan dengan itu beliau meminta agar Jabatan Kejuruteraan mengambil langkah-langkah persediaan bagi menghadapi perkara ini.



**6.6 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BERTARIKH 18 OGOS 2016.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/15 JLD. 2 (7)]**

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.**

**6.7 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 10 OGOS 2016.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 2 (63)]**

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.**

**6.8 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 25 OGOS 2016.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD. 2 (124)]**

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi perkara 6.2.2 di muka surat 18

b. Mesyuarat menolak cadangan bagi pengambilalihan Dewan Masyarakat SS 6/1, Kelana Jaya untuk sebarang aktiviti kemasyarakatan memandangkan dewan ini terlalu kecil aktiviti kemasyarakatan (fakta f).

**Tindakan : Timbalan Pengarah, (Sumber Manusia, MBPJ.**

**6.9 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 29 OGOS 2016.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 3 (73)]**

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perpendaharaan, MBPJ.**



## **7. UCAPAN PENANGGUHAN**

### **7.1 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK HALIMEY BIN ABU BAKAR**

Beliau mengucapkan selamat kembali bertugas kepada YBhg. Datuk Bandar setelah sebulan cuti berkursus. Beliau berharap agar YBhg. Datuk Bandar akan berjaya dengan kursus yang dihadiri.

#### **7.1.1 Pembentangan Bajet 2017**

Beliau berharap agar Majlis menyediakan lebih peruntukan bagi kawasan PJS memandangkan kawasan tersebut kawasan lama dan perlu dibangunkan dari segi kemudahan gerai/dewan/jalan.

#### **7.1.2 Isu sampah**

Beliau memaklumkan bahawa isu sampah telah menjadi isu harian politik. Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar MBPJ dapat memantau keadaan ini dan dalam masa yang sama Ahli Majlis turut membantu untuk memantau perkara ini. Beliau turut memaklumkan bahawa pihak media sentiasa menunggu untuk mendapatkan berita berkaitan isu ini bagi menyalahkan PBT.

Selain daripada itu, beliau turut membangkitkan berkaitan isu bangunan komersial yang tidak menyediakan tong sampah. Beliau berharap agar tindakan tegas seperti kompaun dikeluarkan bagi menangani masalah ini.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MBPJ.**

#### **7.1.3 Lawatan oleh Pihak KPKT**

Beliau difahamkan bahawa pihak KPKT sedang meninjau bagi mengadakan lawatan mengejut ke kawasan PBT di Selangor. Sehubungan dengan itu beliau berharap agar Majlis memaklumkan kepada Ahli Majlis sekiranya pihak KPKT datang melawat Petaling Jaya. Maklumat awal amat penting bagi tujuan persediaan.

**Tindakan : Pengarah, Unit Komunikasi Korporat, MBPJ.**



#### **7.1.4 Kes Denggi di Petaling Jaya**

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekutaran yang bertungkus lumus menangani masalah denggi di kawasan Petaling Jaya. Program sedar yang melibatkan komuniti dan para pekerja pembersihan ditubuhkan dalam kawasan wabak denggi bagi membantu Majlis dalam menangani wabak denggi.

Majlis turut mengadakan kempen kesedaran di kalangan penduduk agar dapat membuat pemeriksaan sendiri di dalam dan kawasan persekitaran rumah. Pendekatan ini diambil memandangkan pembiakan nyamuk aedes ini kebanyakannya adalah di dalam rumah dan bukannya di luar kawasan rumah seperti longkang.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekutaran, MBPJ.**

#### **7.1.5 Operasi Bersepadu bersama lain-lain Agensi**

Beliau meminta agar jabatan berkaitan menyemak semula operasi bersepadu bersama pejabat tanah dan daerah (PTD Petaling) serta lain-lain agensi yang telah dibuat memandangkan terdapat bahan-bahan perobohan di tepi jalan yang boleh menyebabkan musibah kepada orang awam. Selain daripada itu terdapat rumah ibadah yang mengambil kesempatan untuk membesarkan rumah ibadah tersebut. Beliau berharap agar jabatan berkaitan memantau perkara ini.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, MBPJ,  
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.**

#### **7.1.6 'Food Truck'**

Beliau bersetuju dengan inisiatif 'food truck' yang wujud di zaman sekarang. Akan tetapi beliau menegur cara pelaksanaan di mana harga makanan yang dijual adalah terlalu mahal terutama semasa PJ Fair baru-baru ini. Beliau berharap agar kawalan harga dibuat bagi manfaat semua pihak (peniaga dan pembeli).



Beliau turut mengalu-alukan sekiranya Majlis ingin melaksanakan 'Food Truck' di kawasan pemantauan beliau iaitu di Zon 24

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.**

Akhir sekali beliau mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua warga MBPJ yang terlibat dengan penganjuran PJ Fair 2016. Beliau melihat kali ini penglibatan komuniti dapat menarik sejumlah pengunjung yang ramai berbanding tahun-tahun sebelum ini.

Tidak lupa ucapan terima kasih kepada Jabatan Perancangan Pembangunan yang turut menganjurkan *PJ Fun Ride* yang tidak mengakibatkan sebarang kemalangan.

Beliau berharap agar semangat kerjasama yang ditunjukkan semasa penganjuran PJ Fair kali ini akan berterusan pada masa akan datang.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.**

**7.2 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK TERENCE TAN TECK SENG**

Beliau mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk berucap buat kali pertama setelah dilantik sebagai ketua Whip Parti DAP.

**7.2.1 Petaling Jaya sebagai hab perintis penjagaan kesihatan dan bio-perubatan (Healthcare & Bio-Medical hub) terunggul di Negeri Selangor dan negara.**

Berdasarkan komposisi penduduk lebih satu juta orang, Petaling Jaya mempunyai peratusan tertinggi warga usia emas dan golongan orang kelainan upaya (OKU) di samping ekonomi aktif mendorong pertumbuhan pesat penduduk di masa terdekat. Ini akan meningkatkan keperluan perkhidmatan sosial seperti kesihatan. Berdekatan universiti terulung negara iaitu Universiti Malaya, terdapat juga kampus UIA serta banyak kolej-kolej swasta yang menjana kepakaran penyelidikan sains, teknologi dan perubatan.



Hospital PPUM yang merupakan salah satu pusat perubatan termasyhur di Asia-Tenggara dan Malaysia terletak dalam bandar Petaling Jaya. Dengan reputasi kuat dan kualiti yang tinggi, ia menerima ratusan ribu pesakit setiap tahun dari seluruh negara dan negara-negara jiran. Ini menyebabkan kesesakan teruk dan waktu menunggu untuk rawatan pesakit luar amatlah panjang, iaitu di antara 6-12 bulan.

MBPJ mempunyai pusat kesihatan yang sudah ditubuhkan puluhan tahun dan unik terkenal antara pihak PBT-PBT lain. Oleh demikian, ini masa yang baik untuk memperkembangkan fasiliti peralatan perubatan yang berteknologi tinggi bagi meningkatkan perkhidmatan terbaik untuk semua penduduk bandaraya Petaling Jaya, rakyat di Selangor, para kakitangan MBPJ dan ahli keluarga mereka.

Penambahbaikan fasiliti diagnostik kesihatan seperti MRI boleh melonjakkan reputasi kepakaran klinik MBPJ untuk memenuhi permintaan perkhidmatan pesakit luar yang amat tinggi dan menangani waktu menunggu yang kritikal selama 6-8 bulan di hospital-hospital pusat kerajaan seperti PPUM dan Hospital Besar KL. Dengan caj berpatutan sekadar hospital kerajaan, fasiliti diagnostik MBPJ ini juga mampu meringankan beban perbelanjaan kesihatan penduduk PJ dan para kakitangan MBPJ ketika kos sara hidup yang kian meningkat dan susah sekarang.

#### **7.2.2 Petaling Jaya sebagai komuniti berdaya menjana semula pusat dan menceriakan PJ Old Town “Regeneration of Old Town”.**

Sejak dekad lalu, Petaling Jaya sudah banyak menyaksikan pembangunan pesat di kawasan-kawasan baru sejajar dengan pertumbuhan tinggi ekonomi setempat. Kawasan komersial baru juga bertambah sambil menarik banyak aktiviti perniagaan dan tumpuan sosial terkini.

Sebagai ahli majlis zon 16, beliau rasa keseimbangan fokus pembangunan ke kawasan lama asal PJ juga penting kerana masih ramai penduduk dan keluarga mereka yang bermastautin dan menetap di situ. ‘PJ Old Town’ adalah pusat asal bandaraya Petaling Jaya.



Bagi mengembalikan sinar PJ Old Town, kawasan khas harus diwujudkan yang boleh menjadi tumpuan dalam menengahkan aktiviti sosial dan kekeluargaan. Pusat asal PJ Old Town boleh dijanakan semula (Urban Regeneration) menjadi lapangan ikonik bagi menarik perhatian penduduk setempat dan sekeliling dalam menjalankan aktiviti harian mereka. Rekaan konsep khas disini akan melonjakannya sebagai ikon terbaru bandaraya PJ.

Disamping itu, cadangan penubuhan 'Sumber Rakyat' yang merupakan konsep 'bazaar boot kereta' juga boleh meningkatkan pendapatan peniaga-peniaga kecil dan menghidupkan suasana waktu malam di 'PJ Old Town'.

Gandingan bersama kedua-dua "Urban Regeneration Old Town" dan 'Sumber Rakyat' ini, pusat bandar asal PJ Old Town akan menjadi lebih ceria, makmur dan aktif. Ini boleh memberi sinar baru menceriakan kehidupan para penduduk bandar lama asal PJ Old Town ini.

### 7.2.3 **Bajet 2017**

Beliau turut membangkitkan berkaitan bajet MBPJ 2017 yang bakal dibentangkan untuk perbincangan dan kelulusan. Beliau berharap agar peruntukan bagi tujuan perbelanjaan ditambah agat tiada alasan kehabisan peruntukan sebagaimana tahun-tahun lepas. MBPJ perlu meningkatkan serta memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada seluruh penduduk dan peniaga di Petaling Jaya.

Akhir sekali beliau mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Adha, Selamat Hari Malaysia dan Selamat Hari Merdeka kepada seluruh penduduk-penduduk di Petaling Jaya.

## 7.3 **UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK AHMAD AKHIR BIN PAWAN CHIK**

### 7.3.1 Projek-projek yang terbengkalai

Beliau memaklumkan bahawa semasa ucapan penangguhan di dalam Mesyuarat Majlis telah dibangkitkan projek-projek yang terbengkalai. Akan tetapi sehingga sekarang masih terdapat lagi projek-projek yang terbengkalai seperti di PJS 2/1 sehingga sekarang masih tiada sebarang aku janji bila projek tersebut akan siap. Jalan yang dimaksudkan tak sampai 1 km akan tetapi mengambil masa yang lama untuk disiapkan. Beliau ingin



maklumat bilakah jalan tersebut akan disiapkan memandangkan ia melibatkan jalan utama.

Selain daripada itu di PJS 1/2 Petaling Utama terdapat tanah mendap dan telah dibaiki. Apabila IWK membuat kerja-kerja pengorekan, tanah tersebut mendap semula dan rosak. Beliau berharap agar tindakan segera diambil.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

- 7.3.2 Beliau turut membangkitkan masalah penghuni rumah panjang di PJS 1 yang masih belum selesai. Beliau berharap agar keadaan ini dibaiki segera sebelum pilihanraya menjelang. Perkara ini telah berlarutan selama 6 tahun.
- 7.3.3 Beliau mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat di dalam penganjuran PJ Fair 2016.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.08 tengahari. Tuan Pengurus mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan, Hari Raya Aidil Adha dan seterusnya Hari Malaysia. Tidak lupa ucapan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan oleh semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan dan warga kerja Majlis.

(JOHARY BIN ANUAR) AMS  
Setiausaha,  
b.p. Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 2 September 2016



## LAMPIRAN KEHADIRAN

### HADIR:

- |   |             |
|---|-------------|
| 01. Tuan Mohd Azizi bin Mohd Zain,<br>Datuk Bandar, MBPJ.   | - Pengerusi |
| 02. Tuan Johary bin Anuar,<br>Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.  |             |
| 03. Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud,<br>Ahli Majlis, MBPJ.  |             |
| 04. Encik Azri bin Mohamad Arish,<br>Ahli Majlis, MBPJ.     |             |
| 05. Encik Oon Chong Ling,<br>Ahli Majlis, MBPJ.             |             |
| 06. Encik Ang Ming Ern,<br>Ahli Majlis, MBPJ.               |             |
| 07. Encik Ariffin bin Mahaiyuddin,<br>Ahli Majlis, MBPJ.    |             |
| 08. Encik Azizi bin Ariffin,<br>Ahli Majlis, MBPJ.          |             |
| 09. Encik Tang Fuie Koh,<br>Ahli Majlis, MBPJ.              |             |
| 10. Encik Suriase a/l Gengiah,<br>Ahli Majlis, MBPJ.        |             |
| 11. Encik Halimey bin Abu Bakar,<br>Ahli Majlis, MBPJ.      |             |
| 12. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik,<br>Ahli Majlis, MBPJ. |             |
| 13. Encik Shatiri bin Mansor,<br>Ahli Majlis, MBPJ.         |             |
| 14. Encik Ong Swee Long,<br>Ahli Majlis, MBPJ.              |             |



15. Puan Wong Yuet Leng,  
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Cik Jamaliah binti Jamaluddin,  
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Puan Elaine Magdaline Nathaniel,  
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Wong Swee Sang,  
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Encik Terence Tan Teck Seng,  
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Puan Ghandimathi a/p Suppiah,  
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Encik Derek John Fernandez,  
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Encik Sugumaran a/l R Annamalai,  
Ahli Majlis, MBPJ.
23. Encik Daniel Lee Marn Zhi,  
Ahli Majlis, MBPJ.
24. Cik Lim Yi Wei,  
Ahli Majlis, MBPJ.

#### **TIDAK HADIR:**

01. Puan Sia Siew Chin, (*dengan maaf*)  
Ahli Majlis, MBPJ.
02. Puan Ermeemarianna binti Saadon, (*dengan maaf*)  
Ahli Majlis, MBPJ.

#### **HADIR BERSAMA:**

01. Tuan Haji Ahmat Mohayen bin Haji Said,  
Timbalan Setiausaha,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.



02. Puan Hajah Nik Nazli binti Nik Abdullah,  
Wakil Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
03. Puan Sharipah Marhaini binti Syed Ali,  
Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
04. Tuan Ir. Ismail bin Shafie,  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. YBhg. Datin Sr. Amreeta Kaur, MISM,  
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
06. Encik Aznan bin Haji Hassan,  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Hajah Siti Azurah binti Haji Mohd Ghazali,  
Wakil Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
08. Puan Zuraidah binti Sainan,  
Pengarah, Jabatan Lanskap, MBPJ.
09. Puan Dr. Chithradavi a/p N Vadivelu,  
Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan  
Dan Persekitaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop,  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
11. Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin,  
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
12. Puan Mahzura binti Mohd Amin,  
Wakil Pengarah,  
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam, MBPJ.
13. Puan Norzita binti Mokhtar,  
Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.
14. Puan Haniza binti Abdul Hamid,  
Pengarah, Unit Komunikasi Korporat, MBPJ.
15. Puan Hajah Norlida binti Md. Isa,  
Pengarah, Unit Audit Dalam dan Integriti, MBPJ.



16. Cik Nor Shabani binti Johari,  
Pengarah, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
17. Puan Hairulliza binti Abdul Rahman,  
Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
18. Puan Jafizatul Azlinda binti Jaafar,  
Wakil Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.
19. Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid,  
Timbalan Pengarah (Sumber Manusia),  
Bahagian Sumber Manusia, MBPJ.
20. Puan Saliza binti Mohd Masri,  
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),  
Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

#### **TURUT HADIR:**

01. YB. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran,  
ADUN Bukit Gasing.
02. Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin,  
Penyelaras DUN Kota Damansara.

#### **URUSETIA:**

01. Puan Haslida binti Samat,  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Encik Mohd Sakri bin Md Zin,  
Pembantu Tadbir,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Puan Suriyati binti Othman,  
Pembantu Tadbir,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

